

21/06/1999

PBS kaji guna dokumen ikrar paksa kosongkan kerusi

KOTA KINABALU, Ahad - Parti Bersatu Sabah (PBS) mengkaji kemungkinan menggunakan dokumen yang ditandatangani dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti itu yang menyertai Umno hari ini, untuk memaksa mereka mengosongkan kerusi masing-masing.

Timbalan Presiden PBS, Dr Maximus J Ongkili, berkata dokumen berkenaan antara lain mengandungi ikrar setia kepada parti dan akan mengosongkan kerusi jika meninggalkan PBS.

"Dokumen itu ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan peguam parti kini meneliti perkara ini sebelum mengambil tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi, di sini petang ini.

Beliau diminta mengulas tindakan dua Adun PBS, Malek Chua (Kuamut) dan Ulin Pamiang (Pensiangan) meninggalkan parti dan menyertai Umno. Malek adalah Timbalan Presiden PBS (kuota Bumiputera Islam).

Malek dan Pamiang menyerahkan borang menyertai Umno kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur sempena Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, hari ini.

Dalam pilihan raya Sabah 12-13 Mac lalu, PBS mewajibkan semua 48 calonnya menandatangani dokumen taat setia kepada parti. Sambil mencabar kedua-dua mereka mengosongkan kerusi masing-masing yang dimenangi atas tiket PBS, Ongkili berkata, tindakan mereka itu tidak menjejaskan keutuhan parti, sebaliknya menimbulkan kemarahan rakyat terhadap mereka secara peribadi dan BN keseluruhannya.

Sementara itu, Setiausaha Agung PBS, Raden Malleh, ketika dihubungi berkata, sehingga kini pihaknya tidak ada menerima surat peletakan jawatan dan keahlian daripada Malek dan Ulin.

"Kita keliru dengan tindakan mereka ini... mereka tidak menunjukkan sebarang tanda mahu meninggalkan parti sebelum ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) PBS akan datang yang mengatur persiapan mesyuarat perwakilan bahagian, mungkin dipercepatkan bagi membincangkan tindakan Malek dan Pamiang.

Menurutnya, tindakan kedua-dua Adun berkenaan meninggalkan PBS dan menyertai Umno tidak menjejaskan kekuatan parti.

(END)